

# Anwar, Elon Musk adakan pertemuan minggu hadapan

**ANWAR Ibrahim** sewaktu berucap pada Majlis Amanat Perdana Menteri Kepada Penjawat Awam Negeri Sembilan di Dewan Majlis Bandaraya Seremban, semalam. - **UTUSAN/ MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN**



Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA** dan **NOR SHAFAWATI YUP**  
utusannews@mediamulia.com.my

**SEREMBAN:** Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan satu pertemuan dengan Ketua Pegawai Eksekutif Tesla, Elon Musk yang dijadualkan pada minggu hadapan.

Perdana Menteri memberitahu, perjumpaan tersebut antara lain adalah untuk membincangkan berkenaan penambahan pelaburan oleh hartawan tersebut di negara ini.

“Minggu hadapan, Elon Musk meminta untuk berunding dengan saya, untuk bincang kemungkinan komitmen beliau untuk tambah pelaburan di Malaysia,” katanya sewaktu ber-

**Minggu hadapan, Elon Musk meminta untuk berunding dengan saya, untuk bincang kemungkinan komitmen beliau untuk tambah pelaburan di Malaysia.”**

**ANWAR IBRAHIM**

cap pada Majlis Amanat Perdana Menteri Kepada Penjawat Awam Negeri Sembilan di Dewan Majlis Bandaraya Seremban di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Zuki Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr. Zulkapli Mohamed.

Sementara itu, Anwar memberitahu, bagi menguruskan pendekatan ekonomi negara, tumpuan tentulah antaranya untuk meningkatkan pelaburan domestik dan menarik pelaburan asing.

“Minggu lalu saya jumpa pelabur-pelabur Jepun yang mahu menambah dan mengembangkan pelaburan mereka, beberapa bulan yang lalu saya ke negara China, hasil pelaburan China ke Malaysia adalah paling tinggi dalam sejarah.

“Ini penting, jika tiada pelaburan, pengangguran akan meningkat, ekonomi tidak akan berkembang, restoran, hotel dan lain juga akan terjejas,” katanya.